

17 APR 2001

Mahathir-Kelantan

PERDANA MENTERI LAWAT KELANTAN JUMAAT INI

KOTA BAHARU, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan sehari ke Kelantan pada Jumaat ini.

Menurut satu kenyataan Jabatan Penerangan Negeri Kelantan, beliau yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba dengan sebuah pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini, pada pukul 9 pagi.

Dr Mahathir akan merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) peringkat Kebangsaan 2001 di dewan Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB) Jalan Mahmood di sini pada pukul 9.30 pagi.

MSAM 2001 yang akan berlangsung sehingga 24 April adalah anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Persatuan Pengurus-Pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM).

Pada majlis itu, Perdana Menteri akan melancarkan amanah saham baru yang dianjurkan oleh PNB.

Kenyataan itu menyebut, Dr Mahathir akan menunaikan solat Jumaat bersama penduduk di Masjid Taman Uda Murni di sini.

Kemudiannya, beliau akan makan tengah hari di kediaman bekas Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaakob di Taman Uda Murni di sini, bersama-sama anggota jawatankuasa Masjid Uda Murni, veteran Umno seluruh Kelantan, pemimpin Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) negeri Kelantan dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan.

Katanya, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri Kelantan di tempat yang sama pada pukul 3 petang.

Perdana menteri akan bertolak ke Kampung Ana di Tumpat untuk melawat Projek Ladang Merdeka Padi Kampung Ana pada pukul 5 petang, katanya.

Dr Mahathir kemudiannya akan mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua cawangan, pemuda dan wanita Umno bahagian Peringat dan Bachok di Maktab Rendah Sains Mara di Pasir Tumbuh dekat sini pada pukul 9.15 malam.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah yang mempunyai jadual berasingan pada sebelah petang, akan berada di majlis PNB Endah iaitu aktiviti bersama kanak-kanak istimewa dan anak-anak yatim di Dewan MPKB pada pukul 3 petang.

Dr Mahathir dan isteri dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada pukul 10.45 malam.

--BERNAMA

BD RI